Utusan Borneo : 26 November 2026

Lelaki miliki syabu kena penjara lapan bulan

MIRI: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara lapan bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana memiliki dadah berbahaya jenis syabu.

Tertuduh, Collins Bansa, terdahulu mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan terhadapnya di bawah Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 39A (1) akta sama yang boleh membawa hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952, didapati memiliki dadah jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.26 gram.

Methamphetamine merupakan satu item yang disenaraikan di dalam Bahagian III, Jadual Pertama ADB 1952.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 3.05 petang, 27 Januari lalu di belakang tandas sebuah rumah di Jalan Sim Song Chay, Taman Gilbert di sini.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Syafiq Samry di hadapan Majistret Umi Syukriah Harun manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.